

09 OCT 2002

Mahathir-Bahasa Inggeris

PENGUASAAN ILMU HANYA MELALUI BAHASA INGGERIS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penguasaan ilmu dengan cepat hanya boleh dicapai melalui penguasaan bahasa Inggeris.

Justeru, Perdana Menteri meminta semua pihak supaya tidak mempolitikkan pelaksanaan bahasa Inggeris untuk pengajaran mata pelajaran sains dan matematik di sekolah.

"Pelajaran amat mustahak untuk anak-anak, jangan jadikan pelajaran soal politik.

"Kalau kita sayang anak-anak kita, kalau kita sayang adik-adik kita, jangan gunakan pelajaran sebagai isu politik," katanya ketika berucap pada perhimpunan raksasa masyarakat Malaysia di stadium tertutup Stadium Putra, Bukit Jalil di sini malam ini.

Perhimpunan itu, yang dihadiri kira-kira 10,000 orang yang mewakili pelbagai pertubuhan daripada semua kaum itu, dianjurkan oleh Gabungan Ikatan Persatuan Cina Malaysia.

Perhimpunan itu, yang diadakan bagi memberi sokongan kepada usaha kerajaan memperkenalkan bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik, turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta beberapa menteri Kabinet.

Sambil menekankan bahawa kerajaan tidak berniat menghapuskan mana-mana bahasa masyarakat negara ini, Dr Mahathir berkata kerajaan sebenarnya mahu gologan muda negara ini mendapat pendidikan terbaik dan menguasai ilmu pengetahuan.

Menurutnya adalah amat penting memastikan generasi akan datang mampu bersaing dengan masyarakat dunia selain membantu merealisasikan wawasan menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

"Jangan gadai masa depan anak-anak. Jangan perjudikan masa depan anak-anak. Berilah pertimbangan dengan fikiran yang waras dan tenang untuk masa depan anak-anak," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan yang menghalang anak-anak mendapat pelajaran hanya akan menganiaya masa depan mereka.

Dr Mahathir berkata perkembangan ilmu terutamanya bidang Sains masa kini bergerak pesat dengan buku serta karya mengenai bidang itu adalah dalam bahasa Inggeris.

Hampir setiap hari buku-buku baru mengenai Sains diterbitkan selain jurnal-jurnal sains dan tidak mungkin semua terbitan itu dapat diterjemahkan ke bahasa kebangsaan atau bahasa-bahasa lain di negara ini secepat penerbitan buku-buku dalam bahasa Inggeris itu, katanya.

Beliau berkata hanya dengan menguasai bahasa Inggeris, rakyat dapat menimba ilmu pengetahuan dengan lebih pantas atau mereka akan ketinggalan dan terus mundur.

Menuntut ilmu dalam bahasa Inggeris tidak akan menjadikan seseorang itu orang Inggeris sebaliknya mereka kekal dengan identiti bangsa sendiri, katanya sambil memberi contoh dirinya sendiri yang mendapat pendidikan Inggeris tetapi tetap orang Melayu.

Dr Mahathir turut mengulangi jaminannya kepada guru-guru bahawa kerajaan tidak mahu menyingkirkan mereka sebaliknya mereka akan diberi latihan menggunakan peralatan pendidikan moden seperti komputer untuk memudahkan belajar dan mengajar dalam bahasa Inggeris.

Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan berhasrat memperkenalkan pengajaran bahasa Inggeris untuk semua sekolah tetapi kerajaan belum

membuat keputusan muktamad berhubung perkara itu kerana masih mengkaji pelbagai aspek termasuk faktor kemampuan dan bahan kursus untuk digunakan guru-guru.

Pandangan semua pihak akan diambil kira sebelum kerajaan membuat keputusan itu, katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedar bahawa usaha mengalih bahasa kebangsaan kepada bahasa Inggeris secara serentak untuk semua sekolah bukan perkara yang mudah kerana persediaan secukupnya perlu dibuat.

Bagaimanapun beliau menegaskan bahawa keputusan yang akan diambil oleh kerajaan tidak akan merosakkan masa depan para pelajar.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dan Abdullah turut menyaksikan peralatan-peralatan komputer yang akan digunakan oleh guru-guru bagi mengajar bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

AFY NAK